

DM 4

PENGURUSAN KONFLIK MANUSIA – HIDUPAN LIAR

DM 4.2: Cadangan Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Konflik Manusia-Hidupan Liar Peringkat Komuniti.

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Mengurangkan risiko pencerobohan hidupan liar di petempatan desa yang boleh mengancam nyawa dan mengakibatkan kerosakan harta benda.
- Meningkatkan pengetahuan dan kepekaan komuniti desa akan kaedah pengurusan apabila berlaku kes pencerobohan hidupan liar.
- Mengurangkan risiko hidupan liar ini dibunuh atau dicederakan bila berada di kawasan petempatan desa.

Komponen Cadangan:

- Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Konflik Hidupan Liar – peringkat komuniti yang diberi latihan dan kaedah pengurusan konflik hidupan liar.

i. Pengurusan Konflik Hidupan Liar – Gajah

- Meletakkan sistem penggera di kawasan potensi pencerobohan untuk memberi amaran kepada penduduk.
- Peruntukan peralatan menghalau gajah kepada penduduk jika terdapat pencerobohan di kawasan pertanian atau petempatan.
- Mengadakan bengkel berkala kepada penduduk berkenaan langkah – langkah menghalau gajah dan mengurangkan konflik.

Kaedah Pelaksanaan:

- Menubuhkan jawatankuasa pengurusan konflik gajah di peringkat komuniti.
- Mengadakan bengkel berkala kepada penduduk untuk mengurus situasi pencerobohan gajah, jenis aktiviti tanaman yang sesuai ditanam.
- Menyediakan peruntukan peralatan menghalau gajah kepada penduduk.

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **13 kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar/Desa
Johor Bahru	-	-
Kulai	-	-
Kota Tinggi	13	-
Pontian	-	-
Jumlah	13	-

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> Jabatan PERHILITAN 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan PERHILITAN Pejabat Daerah Badan Bukan Kerajaan (NGO) <i>Wildlife Conservation Society (WCS)</i> <i>Malaysian Nature Society (MNS)</i>

ANGGARAN KOS

- Kos Peruntukan Peralatan Menghalau Gajah (lampa, peralatan, tali, pagar, sistem pengera) = RM 10,000/ kampung X 3 Tahun = RM 390,000
- Kos Bengkel Pengetahuan Pengurusan Gajah = RM 20,000 Ribu/ kampung X 3 Tahun = RM 780,000

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 1,170,000

FASA PELAKSANAAN



Penemuan Strategik

• Pengurusan Konflik Manusia – Gajah

i. Pengurusan Konflik Manusia – Gajah Peringkat Komuniti

Konflik Manusia - Gajah bukanlah perkara yang baru ditambah dengan kerancakan pembukaan tanah untuk kegiatan pertanian seperti getah, kelapa sawit atau tebu.

Kesan bagi pembukaan ladang bagi tujuan pertanian menyebabkan sebahagian habitat gajah terganggu untuk dijadikan sebagai lokasi penanaman. Pembukaan tanah juga menyebabkan spesis gajah ini semakin kehilangan habitatnya sehingga kawasan haiwan ini mencari makanan menjadi terhad dan terpaksa menceroboh ke kawasan ladang dan pertanian komuniti desa.

Gajah berperanan besar dalam mengimbangi ekosistem hutan. Oleh itu, bagi mengelakkan risiko ancaman terhadap spesis ini dan kepentingan penduduk khususnya di kawasan desa, Jabatan PERHILITAN giat melaksanakan inisiatif bagi mengurangkan konflik manusia – gajah ini berlarutan.

Antara kawasan komuniti desa yang dilaporkan terlibat dalam pencerobohan gajah adalah sebagaimana dijadualkan dalam Jadual 7.25.

Jadual 7.25: Kg Terlibat Pencerobohan Gajah

Daerah	Kg. Potensi Menerima Ancaman Gajah (1km-3km)	Kawasan Hutan / Hutan Simpan Terdekat	Faktor Peningkatan Konflik Manusia – Gajah
Kota Tinggi	1. Kg. Orang Asli Pasir Intan 2. Felda Linggiu 3. Kg. Desa Makmur 4. Kg. Temenin Baru 5. Kg. Temenin Lama 6. Kg. Bukit Lintang 7. Kg. Bukit Lukut 8. Kg. Sepak Hilir 9. Kg. Bukit Samsu 10. Kg. Haji Md Jambi 11. Kg. Mawai Lama 12. Kg. Mawai Baru 13. Pusat Santuari Gajah	<ul style="list-style-type: none"> Hutan Simpan Panti CFS2 – PL3: HSK Panti – HSK Ulu Sedili Selatan (Daerah Kota Tinggi) (Rangkaian Utama) 	<ul style="list-style-type: none"> Fragmentasi Hutan Perubahan guna tanah kepada Pertanian yang Tidak Terancang Sumber makanan di Hutan yang terhad Kawasan Terlibat adalah Kawasan Migrasi Gajah Sedia Ada Aktiviti Pembalakan dan Pengkuarian

Sumber: Pelan Pengurusan Gajah Semenanjung Malaysia, PERHILITAN

Usaha pengurusan konflik Manusia – Gajah memerlukan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan. Pengukuhan inisiatif pengurusan konflik manusia-gajah ini juga merangkumi pelbagai aspek faktor yang mempengaruhi peningkatan pencerobohan gajah ke kawasan komuniti.

Pengekalan, pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan rizab hidupan liar adalah antara langkah proaktif jangka panjang yang perlu dilaksanakan secara berterusan untuk mengurangkan masalah ini. Jadual 7.26 memperincikan Strategi Pengurusan Konflik Manusia – Gajah.

Jadual 7.26: Strategi Pengurusan Konflik Manusia - Gajah

Aspek	Cadangan Pengurusan / Langkah Mitigasi	Agensi Pelaksana
Pengurusan Guna Tanah	<ul style="list-style-type: none"> Mengekalkan kawasan Rizab Hutan Simpan Panti. Pengekalan, Pemeliharaan dan Pemuliharaan koridor rizab hidupan liar. 	<ul style="list-style-type: none"> PLANMalaysia PBT Jabatan Perhutanan
Aktiviti Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> Memasang pagar elektrik yang diselenggara secara berkala. Mewujudkan longkang gajah di antara 10 hingga 15 kaki. 	<ul style="list-style-type: none"> Pengusaha Ladang
Pembalakan dan Kuari	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti pembalakan dan pengkuarian yang diluluskan perlu mengambil kira Pelan Pengurusan Hidupan Liar. 	<ul style="list-style-type: none"> Pengusaha Balak/Kuari Jabatan Perhutanan
Pusat Santuari Gajah	<ul style="list-style-type: none"> Pembinaan Pusat Santuari Gajah Johor (<i>Johor Elephant Sanctuary – JEC</i>) telah dibina di Kg Panti. Keperluan penyelenggaraan berterusan kawasan santuari dengan penyediaan infrastruktur dan alatan pengurusan yang lengkap. Operasi Tangkap – Pindah Gajah memerlukan modal yang tinggi. 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan PERHILITAN Jabatan Taman Negara

Sumber: Pelan Pengurusan Gajah Semenanjung Malaysia, PERHILITAN

Penemuan Strategik

- Pengurusan Konflik Manusia – Gajah

ii. Inisiatif Pengurusan PERHILITAN Terhadap Konflik Gajah

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia pada masa ini telah menyediakan *National Elephant Conservation Plan* (NECAP) bagi pengurusan gajah di Semenanjung Malaysia. Antara program – program yang dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

Inisiatif Semasa PERHILITAN Terhadap Konflik Gajah

- Pelaksanaan Program Komuniti Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEGKOM) melibatkan libatsama penduduk desa dalam pemantauan bagi mengatasi gangguan gajah liar yang memasuki kawasan komuniti.
- Kaedah ini boleh disyorkan kepada setiap pemilik ladang dan Agensi PERHILITAN bertindak sebagai penasihat. Kekuatan voltan pagar elektrik mestilah sekurang kurangnya 9 KV.
- Jabatan PERHILITAN memainkan peranan dengan menasihatkan pemilik ladang supaya sentiasa memastikan pagar elektrik serta longkang sentiasa diselenggara dengan baik bagi mengelakkan kegagalan sistem pagar elektrik.



- Mengenal pasti kumpulan gajah mengikut pengenalan (ID) di seluruh negeri-negeri yang mempunyai populasi gajah bagi tujuan pemantauan dan pengurusan konflik.
- Program pemantauan gajah liar menggunakan dron merupakan salah satu inisiatif pengurusan gajah di Negeri Johor.
- Penggunaan dron juga dapat memantau lokasi tumpuan dan memantau pergerakan gajah liar dengan lebih efektif dan cepat.

- Program pengawalan berkala *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES) / *Monitoring the Illegal Killing of Elephants* (MIKE) bagi tujuan pengesanan dan pelaporan pemburuan haram gajah.
- Sesi konsultasi dan khidmat nasihat bagi pengurusan konflik gajah bersama penduduk kampung, pekebun dan syarikat perladangan.



Sumber: Pelan Pengurusan Gajah, Jabatan PERHILITAN

Pelaksanaan Program Mitigasi Konflik Manusia – Gajah Bersama Pihak Berkepentingan Dan Penduduk Setempat

Komuniti Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEGKOM) merupakan salah satu inisiatif Jabatan PERHILITAN dan penduduk kampung dalam pemantauan dan pengurusan Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG). Usaha ini bertujuan bagi mengurangkan dan mengatasi konflik manusia-gajah dengan memikul tanggungjawab bersama. Antara program yang telah dilaksana di Johor adalah sebagaimana berikut.

Bil	Lokasi	Anggaran Kos (RM)	Jarak (km)
1.	Kg Tenang Labis, Johor	65,100.00	21 km
2.	Kg Sri Lukut, Kluang, Johor	42,470.00	13.7 km
3.	Kg Mawai, Kota Tinggi Johor	55,800.00	18 km

Sumber: Laporan Tahun PERHILITAN, 2018

PELAKSANAAN PROGRAM KESEDARAN AWAM

Program kesedaran awam yang dilaksana oleh Jabatan PERHILITAN adalah diantaranya dianjurkan dengan kerjasama Institut Biodiversiti. IBD menyelaras semua aktiviti kesedaran awam Jabatan PERHILITAN untuk meningkatkan kesedaran serta menggalakkan sikap menyayangi serta melindungi sumber biodiversiti negara dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat. Kumpulan sasaran program ini adalah terdiri daripada golongan pelajar, belia, guru dan masyarakat setempat.

Pada tahun 2018, sejumlah enam (6) pameran telah dijalankan, dua (2) program melibatkan penduduk setempat dan dua (2) program ceramah dilaksanakan di Johor.


Tahun	Aktiviti			
	Pameran	Program Penduduk Setempat	Ceramah	Lawatan
2017	15	5	0	3
2018	6	2	2	0

Sumber: Laporan Tahun PERHILITAN, 2018 & 2017



Foto: Jabatan (PERHILITAN) telah menyediakan *National Elephant Conservation Plan* (NECAP) bagi pengurusan Gajah di Semenanjung Malaysia

Rajah 7.27: Cadangan Kolektif Mencegah Konflik Hidupan Liar Gajah



PETUNJUK:

- Hutan Simpan Kekal
- CFS Rangkaian Utama (PL)
- CFS Rangkaian Sekunder (SL)
- Radius 3km dari sempadan Hutan Rizab Pantai
- Taburan Kg Daerah Johor Bharu
- 🐘 Kg Terlibat Konflik Manusia – Gajah
- 🏛️ Pusat Santuari Gajah Johor , Johor Elephant Sanctuary (JEC)
- Wilayah Selatan

KAMPUNG BERPOTENSI TERKESAN GANGGUAN GAJAH - DAERAH KOTA TINGGI

Industri Berat (500M)

1. Kg. Orang Asli Pasir Intan
2. Felda Linggiu
3. Kg. Desa Makmur
4. Kg. Temerin Baru
5. Kg. Temerin Lama
6. Kg. Bukit Lintang
7. Kg. Bukit Lukut
8. Kg. Sepak Hilir
9. Kg. Bukit Samsu
10. Kg. Haji Md Jambi
11. Kg. Mawai Lama
12. Kg. Mawai Baru
13. Pusat Santuari Gajah